Calex-HLK Ltd lwn Nordin bin Abdul Hamid & Yang lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO R2-24-6 OF 1996
NIK HASHIM PK
14 MAC 1997

Acara Sivil *— Afidavit — Afidavit yang cacat — Afidavit tidak diikrarkan dalam Bahasa Melayu dan tidak disetemkan dengan fee yang berkenaan — Sama ada keterangan dalam afidavit-afidavit yang tidak sempurna boleh diterima — Sama ada afidavit yang tidak memenuhi syarat boleh diubati oleh mahkamah — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 kk 4 & 10(2)*

Plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Hong Kong. Plaintif telah memohon satu perintah supaya wang pendahuluan yang telah dibayar kepada defendan untuk satu projek yang tidak dapat dilaksanakan dikembalikan kepadanya. Defendan telah membangkitkan bantahan awal, antara lain, bahawa afidavit Sunita Ram Nandwani ('afidavit Sunita') yang difailkan oleh plaintif dalam permohonannya tidak boleh digunakan kerana ia adalah dalam Bahasa Inggeris — menyalahi s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ('ABK') — dan tidak disetemkan dengan fee yang berkenaan dan oleh itu, ia bertentangan dengan A 41 k 10(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Plaintif mengatakan, antara lain, bahawa afidavit Sunita tidak cacat dan boleh diubati di bawah A 41 k 4 KMT. Juga dikatakan bahawa defendan tidak mengalami apa-apa prejudis jika mahkamah membenarkan penggunaan afidavit Sunita.

Diputuskan, membenarkan bantahan awal defendan dan menolak saman pemula plaintif dengan kos:

(1) Oleh kerana afidavit Sunita tidak disetemkan dengan fee terlebih dahulu serta fee yang dibayar atas pemfailan afidavit-afidavit lain tidak boleh dipanjangkan untuk meliputi afidavit Sunita yang merupakan suatu afidavit tersendiri dan berasingan, maka afidavit Sunita tidak boleh digunakan dan segala keterangan di dalamnya tidak boleh diterima. Dengan itu, saman pemula plaintif tinggal sebagai suatu permohonan tanpa bukti sokongan (lihat ms 593F–G).

(2) Seksyen 8 ABK menunjukkan dengan jelas bahawa segala prosiding dalam mahkamah di Semenanjung Malaysia hendaklah dijalankan dalam Bahasa Melayu. Maka, segala prosiding dari peringkat awal sesuatu tindakan itu bermula sehinggalah kepada keputusan mahkamah hendaklah diberi di dalam Bahasa Melayu termasuklah penggunaan afidavit (lihat ms 594B–E); *Yomeishu Seizo Co Ltd & Ors v Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd* [1996] 2 MLJ 334 dan *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160 dibeza.

(3) Afidavit Sunita adalah cacat bukan pada bentuknya. Ia cacat dari awal lagi, kerana ia tidak terlebih dahulu memenuhi syarat pertama dengan membayar fee dan disetemkan. Kecacatan ini tidak boleh dibaiki. Soalan prejudis tidak timbul dalam kes ini kerana afidavit Sunita cacat dari awal lagi disebabkan syarat pertama membayar fee dan disetemkan tidak dipenuhi. Dengan itu, afidavit-afidavit tersebut adalah tidak sah ab initio dan tidak boleh digunakan dalam prosiding ini. Justeru itu, mahkamah tidak boleh mengubati kecacatan yang sudah melampaui tahap pembaikan (lihat ms 594I dan 595A–B).

[English summary

The plaintiff was a company incorporated in Hong Kong. The plaintiff had applied for an order that the earnest money which had been paid to the defendant for a project which could not be launched be returned to him. The defendant had raised a preliminary objection, inter alia, that the affidavit of Sunita Ram Nandwani ('Sunita's affidavit') which was filed by the plaintiff in his application could not be used because it was in English — contravening s 8 of the National Language Act 1963/67 ('the NLA') — and was not stamped with the correct fee and therefore, it ran against O 41 r 10(2) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The plaintiff alleged, inter alia, that Sunita's affidavit was not defective and could be cured under O 41 r 4 of the RHC. It was also alleged that the defendant would not be prejudiced if the court allowed Sunita's affidavit to be used.

Held, allowing the defendant's preliminary objection and striking out the plaintiff's originating summons with costs:

(1) Since Sunita's affidavit was not stamped with the fee earlier and the fee payable on filing, other affidavits could not be extended to include Sunita's affidavit which was distinct and separate, therefore Sunita's affidavit could not be used and all evidence in it could not be admissible. Therefore, the plaintiff's originating summons remained an application without corroborative proof (see p 593F–G).

(2) Section 8 of the NLA clearly demonstrates that all proceedings in court in Peninsular Malaysia must be conducted in Malay. Therefore, all proceedings from the early stage when an action commences until the decision of the court must be conducted in Malay including the use of affidavits (see p 594B–E); *Yomeishu Seizo Co Ltd & Ors v Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd* [1996] 2 MLJ 334 and *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160 distinguished.

(3) Sunita's affidavit was not defective in form. It was defective from the start, because it did not fulfil the first condition of paying the fee and stamping. This defect could not be cured. The question of prejudice did not arise in this case as Sunita's affidavit was

A defective from the beginning because the first condition of paying the fee and stamping was not fulfilled. Therefore, the affidavits were invalid ab initio and could not be used in this proceeding. Thus, the court could not cure the defect which was beyond repair (see pp 594I and 595A–B).]

B **Nota-nota**

Bagi kes-kes mengenai afidavit, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan-perenggan 176–204.

Kes-kes yang dirujuk

C *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160 (dibeza)

Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia [1988] 2 MLJ 613 (dirujuk)

Yomeishu Seizo Co Ltd & Ors v Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd D [1996] 2 MLJ 334 (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 s 8

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 3

E Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 32 k 13(1)(a), A 41 k 4, k 10(2), A 91 k 1, A 92 k 1, Lampiran B butiran No 64

Perlembagaan Persekutuan perkara 152

Alex De Silva dan *David Oh Kit Yan* (*Skrine & Co*) bagi pihak plaintif.
Harjinder Singh (*Nordin Hamid & Co*) bagi pihak defendan.

F

Nik Hashim PK: Latar belakang kes ini, secara ringkasnya, ialah pihak plaintif telah membayar kepada defendan sebanyak AS$200,000 atas nama Tetuan Nordin bin Abdul Hamid untuk disimpan sebagai 'earnest money' ('wang tersebut') bagi maksud satu projek di Malaysia. Plaintif ialah G sebuah syarikat yang diperbadankan di Hong Kong. Pihak plaintif menyatakan oleh kerana projek tersebut tidak dapat dilaksanakan dan menurut satu perjanjian, wang tersebut seharusnya dikembalikan kepada plaintif. Pihak defendan gagal berbuat demikian. Oleh itu, pihak plaintif melalui saman pemula memohon satu perintah supaya wang tersebut dikembalikan.

H Sebelum pendengaran saman ini, En Harjinder Singh bagi pihak defendan telah membangkitkan bantahan awal atas empat perkara:

(i) saman pemula (lampiran 2) tidak disokong dengan sebarang afidavit;

(ii) nama peguamcara 'Timothy Siaw' yang mendeposkan afidavit bukan nama penuh beliau; I

(iii) afidavit Sunita Ram Nandwani ('Sunita') di lampiran 1, 7 dan 13 tidak boleh digunakan kerana ia adalah dalam bahasa Inggeris — menyalahi s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ('ABK') — dan tidak disetemkan dengan fee yang berkenaan dan oleh itu, ia

bertentangan dengan A 41 k 10(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'); dan

(iv) notis pemfailan afidavit Sunita tidak diberi kepada defendan menyalahi A 32 k 13(1)(a) KMT.

Tidak dinafikan bahawa semua afidavit Sunita di lampiran 1, 7 dan 13 telah diikrarkan di Hong Kong dalam Bahasa Inggeris dan afidavit-afidavit ini dijadikan ekshibit kepada afidavit-afidavit peguamcara-peguamcara pihak Tetuan Skrine & Co, iaitu Timothy Siaw dan David Oh Kit Yan yang difailkan bersekali dengan saman pemula. Terjemahan afidavit Sunita dalam Bahasa Melayu yang tidak diakui sah telah dimasuk dan ditandakan juga sebagai ekshibit.

Setelah mendengar hujah-hujah kedua belah pihak mengenai bantahan awal (i) dan (ii), saya telah tolak bantahan tersebut kerana ia tidak bermerit. Bagi bantahan (i), saya dapati saman pemula ada disokong dengan afidavit Siaw. Soalan sama ada afidavit Sunita adalah suatu afidavit yang sah dan boleh terima menurut peraturan yang sedia ada bagi maksud menyokong saman pemula adalah suatu perkara lain yang saya akan jawab apabila mahkamah memutuskan bantahan (iii). Bantahan (ii) juga ditolak, kerana defendan gagal membuktikan sebaliknya bahawa Timothy Siaw adalah bukan seorang yang bernama sedemikian.

Encik Alex De Silva bagi pihak plaintif berhujah bahawa s 8 ABK tidak terpakai kepada pliding seperti afidavit Sunita dalam kes ini, dan oleh itu, mengikut beliau afidavit Sunita adalah teratur. Beliau memetik kes *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160, yang mana prosedur yang sama telah digunakan oleh Tetuan Skrine & Co yang memfailkan satu afidavit Elie J Baroudi, dalam bahasa Inggeris di Singapura dan dimasukkan sebagai ekshibit bersekali dengan terjemahannya dalam Bahasa Melayu yang tidak diakui sah kepada afidavit seorang peguamcara Skrine & Co yang mengendalikan kes itu. Plaintif juga berhujah bahawa afidavit Sunita ialah suatu dokumen yang boleh disediakan dalam Bahasa Inggeris di bawah proviso kepada A 92 k 1 KMT dan memetik kes *Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia* [1988] 2 MLJ 613 bagi menyokongnya.

Aturan 92 k 1 KMT memperuntukkan:

> 1 Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut kaedah-kaedah ini hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam Bahasa Inggeris:
>
> Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen dalam Bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai ekshibit, dengan atau tanpa terjemahannya dalam Bahasa Kebangsaan.

Dengan peruntukan itu, jelas lampiran 1, 7 dan 13 yang berupa afidavit Sunita itu adalah suatu dokumen yang menyokong saman pemula. Oleh itu, dokumen-dokumen tersebut boleh dilampirkan dalam sesuatu tindakan sebagai kertas kausa.

Akan tetapi apakah sebenarnya jenis dokumen di lampiran 1, 7 dan 13 itu? Adalah nyata sekali bahawa dokumen-dokumen di lampiran 1, 7

dan 13 itu ialah bukan sebarang dokumen, malah ia adalah afidavit Sunita yang asal yang mengandungi keterangan bagi maksud menyokong saman pemula. Soalan genting yang perlu ditanya ialah sama ada keterangan dalam afidavit-afidavit tersebut boleh diterima (admissible). Prosedur mengenai penggunaan afidavit asal dalam prosiding adalah diperuntukkan di bawah A 41 k 10(2) KMT yang berbunyi:

> (2) Sesuatu afidavit asal tidak boleh digunakan dalam mana-mana prosiding melainkan jika ia telah terlebih dahulu disetemkan dengan fee yang berkenaan.

Manakala A 91 k 1 menetapkan:

> Fee dan peratusan dalam Lampiran B hendaklah diambil kira dan dibayar dalam segala kausa dan perkara dalam Mahkamah Tinggi.

Menurut lampiran B di bawah butiran 'Pemfailan' No 64 KMT, fee yang dikenakan bagi pemfailan apa-apa dokumen ialah RM8. Afidavit dikenakan fee RM8 di bawah butiran 64 ini.

Afidavit-afidavit yang telah disetemkan dalam prosiding ini ialah afidavit Timothy Siaw dan David Oh Kit Yan, walhal pihak plaintif bergantung penuh kepada afidavit-afidavit Sunita yang asal dalam Bahasa Inggeris untuk menyokong saman pemulanya. Sunita tidak mengikrarkan afidavit-afidavitnya di lampiran 1, 7 dan 13 dalam Bahasa Melayu. Apa yang ada ialah terjemahan afidavit dalam Bahasa Melayu yang tidak diakui sah. Afidavit Sunita yang asal dalam Bahasa Inggeris bersekali dengan terjemahannya telah dengan sengajanya dimasukkan sebagai afidavit tanpa disetemkan dengan fee. Oleh kerana afidavit Sunita tidak disetemkan dengan fee terlebih dahulu dan fee yang telah dibayar atas pemfailan afidavit-afidavit Timothy Siaw dan David Oh Kit Yan tidak boleh dipanjangkan untuk meliputi afidavit Sunita yang merupakan satu afidavit yang tersendiri dan berasingan daripada afidavit-afidavit peguam-peguam tersebut, maka saya putuskan afidavit-afidavit Sunita di lampiran 1, 7 dan 13 tidak boleh digunakan dan segala keterangan di dalamnya untuk menyokong saman pemula tidak boleh diterima. Tanpa keterangan Sunita, saman pemula plaintif tinggal sebagai suatu permohonan tanpa bukti sokongan. Dengan keputusan tersebut, bantahan awal (iv) defendan tidak perlu dijawab.

Sebelum mengakhiri kes ini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai peruntukan s 8 ABK yang hangat dihujahkan oleh kedua belah pihak di hadapan saya. Seksyen itu memperuntukkan:

> 8 All proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Federal Court, the Court of Appeal, the High Court or any Subordinate Court shall be in the national language:
>
> Provided that the Court may either of its own motion or the application of any party to any proceedings and after considering the interests of justice in those proceedings, order that the proceedings (other than the giving of evidence by a witness) shall be partly in the national language and partly in the English language.

'National language' atau bahasa kebangsaan di atas ialah Bahasa Melayu (perkara 152 Perlembagaan Persekutuan). A

Peruntukan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa segala prosiding dalam mahkamah di Semenanjung Malaysia hendaklah dijalankan dalam Bahasa Melayu. Akan tetapi s 8 ABK memberi budi bicara kepada mahkamah bahawa mahkamah boleh memerintahkan dengan sendirinya atau atas permohonan mana-mana pihak supaya prosiding itu dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Melayu dan sebahagiannya dalam Bahasa Inggeris selepas mahkamah menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding tersebut (sila lihat 'Penggunaan Bahasa Melayu dalam Mahkamah' oleh Dato' Faiza Tamby Chik [1993] 4 CLJ xxv). B

Makna perkataan 'proceeding' tidak pula ditakrifkan dalam ABK. Tetapi istilah itu ditafsirkan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') yang berbunyi: C

> '*proceeding*' means *any proceeding whatsoever* of a civil or criminal nature and includes an application *at any stage of a proceeding*; .... (Penekanan ditambah.)

D

Pada hemat saya, makna 'proceeding' itu terpakai juga kepada makna 'proceeding' di bawah s 8 ABK kerana AMK ialah suatu Akta mengenai Mahkamah Tinggi dan ke atas. Jadi, 'all proceedings' di bawah s 8, pada pandangan saya, merangkumi segala prosiding dari peringkat awal sesuatu tindakan itu bermula sehinggalah kepada keputusan mahkamah diberi hendaklah dalam Bahasa Melayu, termasuklah penggunaan afidavit. E

Per curiam No (1) yang dinyatakan oleh VC George H dalam *Yomeishu Seizo Co Ltd & Ors v Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd* [1996] 2 MLJ 334 mengenai pemakaian proviso s 8 ABK, dalam pandangan saya, tidak terpakai dalam kes ini kerana di dalam kes itu, VC George H telah menekankan soalan kepentingan keadilan lebih utama daripada penggunaan Bahasa Melayu secara lisan sepenuhnya oleh peguam semasa menjalankan perbicaraan dalam mahkamah. F

Mengenai hujah pihak plaintif yang menyatakan amalan yang sama telah dilakukan oleh pihak Skrine & Co dalam kes *American Express* di atas, pandangan saya ialah bantahan serupa kes ini tidak dibangkitkan dalam kes itu. Oleh itu, kes itu tidak memutuskan isu yang serupa; jadi kes *American Express* tidak berkaitan dan tidak terpakai dalam kes ini. G

Pihak plaintif dalam hujah bertulis yang dikemukakan selanjutnya mengatakan afidavit Sunita tidak cacat dan boleh diubati di bawah A 41 k 4 KMT yang berbunyi:

H

> Sesuatu afidavit boleh, dengan kebenaran Mahkamah, difailkan atau digunakan sebagai keterangan walaupun terdapat apa-apa luar aturan pada *bentuk*nya. (Penekanan ditambah.)

Afidavit Sunita di lampiran 1, 7 dan 13 adalah cacat bukan pada bentuknya. Ia cacat dari awal lagi, kerana ia tidak terlebih dahulu memenuhi syarat pertama dengan membayar fee dan disetemkan. Kecacatan ini tidak boleh dibaiki. Sesungguhnya, pihak plaintif dengan penuh kesedaran dan dengan sengajanya memasukkan afidavit yang tidak sah itu dalam saman pemula. Beliau menanggung risikonya dengan berbuat demikian. Pihak plaintif I

juga cuba mengatakan bahawa pihak defendan tidak mengalami apa-apa prejudis jika mahkamah ini membenarkan penggunaan afidavit-afidavit Sunita. Pada fikiran saya, soalan prejudis tidak timbul kerana afidavit-afidavit Sunita adalah tidak sah ab initio lagi dan tidak boleh digunakan dalam prosiding ini, dan mahkamah tidak boleh mengubati kecacatan yang sudah melampaui tahap pembaikan.

Pihak plaintif juga — dalam usaha untuk memulihkan afidavit-afidavit Sunita di lampiran 1, 7 dan 13 — mengingatkan mahkamah jika mahkamah enggan mengubati kecacatan yang ada, akibatnya adalah syarikat-syarikat asing akan mengalami kesusahan bila syarikat-syarikat tersebut ingin menguatkuasakan hak-hak mereka di Malaysia; dan ini akan mempengaruhi keinginan syarikat-syarikat luar negeri dari berniaga di Malaysia kerana kesukaran bagi pihak mereka, sebagai contoh, untuk mengikrarkan suatu afidavit dalam Bahasa Melayu. Jawapan singkat saya kepada kata-kata itu ialah Malaysia ialah sebuah negara yang sudah lama berdaulat dan mempuyai undang-undang dan peraturannya sendiri. Undang-undangnya terpakai sama rata baik kepada syarikat-syarikat asing mahupun kepada syarikat-syarikat dalam negeri. Adalah bukan tujuan sesuatu undang-undang diluluskan untuk menyusahkan sesiapa. Namun begitu, undang-undang dan peraturan negara tidak boleh dipermudahkan semata-mata untuk melayan kesenangan syarikat-syarikat asing. Peraturan yang terlibat dalam kes ini, iaitu mengenai afidavit dan penggunaan Bahasa Melayu, adalah suatu perkara yang mudah dan senang untuk dipatuhi; tetapi ia disengajakan tidak diikuti. Dalam hal ini, siapa yang patut dipersalahkan? Undang-undang dan peraturan hendaklah dihormati dan dipatuhi dengan sepenuhnya. Dalam kes ini, plaintif sengaja gagal mematuhinya. Oleh yang demikian, tidak ada sebab mengapa mahkamah seharusnya melonggarkan penggunaan Bahasa Melayu sepenuhnya.

Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya terima bantahan awal (iii) pihak defendan, dan memutuskan bahawa afidavit Sunita di lampiran 1, 7 dan 13 tidak boleh digunakan dan keterangannya tidak boleh diterima untuk menyokong saman pemula. Tanpa bukti sokongan, perintah seperti dipohon dalam saman pemula tidak dapat diberikan. Oleh yang demikian, saya tolak saman pemula plaintif dengan kos.

Saman ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin